

# Dr M teruja naiki kereta pemanduan sendiri

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad berpeluang merasai teknologi masa hadapan apabila dibawa menaiki kereta tanpa pemandu, selain berbual menggunakan teknologi hologram.

Pada majlis pelancaran pameran teknologi generasi kelima (5G) di sini, semalam, Perdana Menteri dibawa menaiki Proton Exora biru tanpa pemandu sejauh 500 meter di laluan berhadapan istana Kehakiman di sini.

Kereta 5G pemanduan sendiri itu dibangunkan oleh Ericsson dan Celcom melalui perkongsian dengan eMooVit, sebuah syarikat pemula teknologi tinggi.

Kenderaan pelbagai guna itu dilengkapi dengan sejumlah kamera, radar dan alat pengesan yang membolehkan kenderaan itu mengesan persekitarannya.

Ketika sesi percubaan itu, seorang pemandu keselamatan berada di tempat duduk pemandu dan memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai teknologi itu tanpa perlu memegang stereng.

Perdana Menteri yang kelihatan

teruja dengan teknologi itu sempat melmparkan senyuman dan melambaikan kepada orang ramai dan jurugambar di tepi laluan.

## Teknologi masa depan

Sebaik melangkah masuk ke Dewan Sri Siantan di mana majlis pelancaran berlangsung, Dr Mahathir sekali lagi merasai pengalaman teknologi masa depan apabila wajahnya diimbas bagi membolehkan kebenaran diberikan untuk memasuki dewan.

Pada majlis pelancaran kemudian, Perdana Menteri berkesempatan berbual dengan seorang kanak-kanak perempuan, Tengku Zara Eryna Tengku Ahmad Saifuddin, 7, secara hologram.

Aisyah yang tampil secara hologram sempat bertanyakan soalan dengan menggunakan panggilan Atuk bagi merujuk kepada Perdana Menteri. "Atuk ketika anda sebaya saya, apakah teknologi G yang ada?"

Dr Mahathir lantas menjawab 'Zero G' yang mengundang ketawa hadirin.



**Dr Mahathir menaiki kereta pemanduan sendiri menggunakan teknologi 5G** sebelum merasmikan Pelancaran Pameran 5G di Putrajaya, semalam.